

# Evolusi kereta pandu sendiri pada masa hadapan

SEJAK kebelakangan ini, kehebatan teknologi yang digunakan pada kenderaan pandu sendiri mendapat perhatian dunia.

Rata-rata individu berbangga kerana inovasi yang ada pada kenderaan tersebut bakal memudahkan kehidupan orang ramai pada masa hadapan.

Mengambil contoh di Singapura, kerajaan negara itu menjangkakan penawaran perkhidmatan teksi tanpa pemandu dengan pengambilan penumpang bagi perjalanan pendek menjelang tahun 2018.

Menurut Timbalan Dekan Penyelidikan dan



**ZAINAL ABIDIN**

Inovasi Universiti Putra Malaysia, Prof. Ir. Dr. Mohd. Zainal Abidin Ab. Kadir, situasi tersebut berlaku selari dengan pelaksanaan konsep Bandar Pintar (Smart City) di seluruh dunia pada masa hadapan.

“Sebenarnya kenderaan pandu sendiri bukanlah satu perkara yang baharu kerana Google dan Tesla telah mengeluarkan prototaip mereka.

“Tidak dinafikan, kenderaan pandu sendiri adalah relevan dan ia akan menjadi salah satu gaya kehidupan pada masa hadapan. Ini kerana, penggunaan kenderaan tersebut akan lebih memudahkan cara hidup

dan menjimatkan masa,” jelasnya.

Bagaimanapun, jelas Mohd. Zainal, pelbagai aspek perlu dilihat sebelum kenderaan pandu sendiri diguna sepenuhnya oleh orang ramai.

“Kita perlu menyediakan infrastruktur yang lengkap dan mengkhaskan satu-satu kawasan sahaja yang boleh menggunakan kereta pandu sendiri.

“Ini bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku memandangkan kenderaan tersebut perlu peka dengan cara pemanduan sesetengah individu yang kadangkala tidak menggunakan isyarat ketika berada di jalan raya,” jelasnya.